

Isun-isun
Citra
BUDAYA BAJAU

Isun-isun
Citra
BUDAYA BAJAU

SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2015

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Kandungan

Senarai Rajah
Senarai Jadual
Prakata
Pendahuluan

BAB 1 Pengenalan... 1

BAB 2 Kesopanan Berbahasa... 47

BAB 3 Makna Sosiobudaya... 77

BAB 4 Strategi Interaksi... 107

BAB 5 Ikatan Teks... 133

BAB 6 Rumusan... 159

Rujukan
Indeks

Senarai Rajah

Rajah		Muka Surat
4.1	Tatacara penggunaan bahasa dalam peristiwa <i>isun-isun</i>	132
6.1	Pentafsiran terhadap <i>isun-isun</i>	162

Senarai Jadual

Jadual		Muka Surat
5.1	Peraturan penggunaan isyarat penghubung dalam ayat	142
5.2	Peraturan penggunaan ganti nama diri dan ganti adverba sebagai anafora dalam <i>isun-isun</i>	151

Prakata

Leket me iyo teko, me pen iyo pinepule'
[dari sana ia datang, ke sana juga ia dikembalikan].

Demikian antara kata yang pernah diungkapkan oleh mantan responden penulis yang telah kembali kepada-Nya. Dahulunya penulis tidak pernah mahu mengendahkan kata-kata itu. Namun, kini penulis mengerti bahawa setiap daripada genre lisan yang pernah diungkapkan oleh beliau kepada penulis itu perlu dipulangkan semula kepada seluruh pemilikinya. Dalam konteks ini, tradisi *isun-isun* perlu 'dikembalikan' oleh penulis dan dikongsikan semula dengan seluruh generasi Bajau. Memandangkan kebanyakan genre lisan orang-orang Bajau sedang melalui 'fasa kritikal' maka, tradisi tersebut perlu 'diselamatkan' segera. Budaya *isun-isun* merupakan warisan turun-temurun yang dianggap sebagai milik bersama orang-orang Bajau di pantai barat Sabah. Ia menjadi sebahagian daripada identiti kelompok ini. Memandangkan tradisi ini diturunkan secara lisan maka, proses lisan jugalah yang akan menentukan masa depan genre ini, sama ada ia bertahan menongkah arus atau sebaliknya. Meskipun demikian, masa depan *isun-isun* sudah boleh diramal kerana kebanyakan generasi muda Bajau seolah-olah telah meminggirkan genre ini. Justeru, sebelum genre ini lenyap sepenuhnya daripada ingatan pencinta tradisi lisan Bajau maka, satu penelitian dini diusahakan yang sekurang-kurangnya menjadi bahan dokumentasi dan sumber rujukan generasi Bajau pada masa mendatang.

Sekilas, tajuk buku ini dapat dimaknakan bahawa budaya memiliki unsur citra. Citra bermaksud gambar, lukisan, arca ataupun gambaran atau imej sesuatu sama ada peribadi, produk mahupun organisasi (Kamus Dewan, 1997:243). Untuk konteks buku ini, upaya mencitrakan genre lisan *isun-isun* sebagai salah satu nyanyian kebanggaan orang-orang Bajau dilakukan. Karakter dan kearifan budaya orang-orang Bajau diserlahkan melalui setiap bait dalam genre ini. Buku ini diusahakan atas kesedaran bahawa semakin banyak tradisi lisan Bajau hilang bersama peredaran waktu. Sebelum kesemua genre berkenaan terus berkubur bersama-sama pengamalinya

maka, usaha dini ini diharap akan mampu menyelamatkan dan memberdayakan genre-genre lisan tradisi milik masyarakat ini.

Terbitnya buku ini juga diharap dapat menampung kekurangan sedia ada terhadap sumber rujukan yang bersifat etnolinguistik atau linguistik antropologi. Hal ini disebabkan penyelidikan yang menggunakan keadah ini mampu menelusuri bentuk-bentuk linguistik yang dipengaruhi oleh aspek-aspek kebudayaan, sosial dan psikologi pendukungnya. Memandangkan Sabah dihuni oleh kumpulan-kumpulan etnik yang rancu sifatnya maka, wilayah besar ini menyediakan sumber bahan yang sangat banyak dan pelbagai untuk sedia diteroka oleh para pengkaji. Semoga usaha dini ini tidak terhenti di sini kerana masih terlalu banyak perspektif etnolinguistik daripada pelbagai kumpulan etnik lain yang masih belum diusik sepenuhnya. Semoga penerbitan buku ini akan membuka usaha ke arah rintisan penyelidikan berikutnya.

Buku ini berhasil disiapkan atas kesudian dua insan yang masih mendukung kekreatifan orang-orang Bajau, iaitu Puan Aminah Haji Musib@Aluk dan Encik Parman Haji Mas yang mahu agar kreativiti orang Bajau didokumentasi dalam bentuk bertulis dan dikongsikan kepada khalayak umum. Kalungan terima kasih penulis ditujukan kepada kedua-dua mereka atas kesudian berkongsi data *isun-isun* berkenaan. Buku ini juga tidak akan lahir tanpa keprihatinan dan sokongan padu daripada dua 'pengkaji' utama yang sering menjadi tunjang semua penyelidikan penulis selama ini, iaitu Haji Mahali Haji Md. Wakman dan Roswati Lim Yun Chin. Untaian terima kasih yang berpanjangan istimewa dikhususkan untuk kedua-dua mereka. Tanpa sokongan dan 'kuliah' kesedaran budaya daripada mereka, tidak mungkin semua bahan penyelidikan penulis selama ini akan berhasil. Kepada mereka, sekali lagi terima kasih daun keladi tanpa titik akhir atas segala dukungan yang diberikan selama ini.

Saidatul Nornis Hj. Mahali, Ph.D

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

Universiti Malaysia Sabah

Pendahuluan

Kebudayaan merupakan objek yang tidak mudah didefinisikan. Kesukaran dalam pendefinisian ini berkait erat dengan sifat multidimensi manusia sebagai subjek yang mewujudkan kebudayaan. Sebagai makhluk hidup yang multidimensi sifatnya, 'manusia' dapat didefinisikan daripada pelbagai sudut pandang atau dimensi, yang mewujudkan manusia sebagai makhluk hidup. Manusia dicipta sebagai makhluk yang dilengkapi dengan akal budi untuk bertindak. Otak untuk berfikir dan belajar, serta perasaan untuk mengendalikan emosi. Akal budi, perasaan, serta otak dapat diberdayakan oleh manusia untuk mengatasi cabaran dunia kehidupan. Pemberdayaan akal budi, perasaan dan otak inilah yang membuat suatu kebudayaan lahir.

Oleh hal yang demikian, perlu diketahui bahawa ada konsep kebudayaan yang bersifat materialistik dan ada pula yang bersifat idealistik (Masinambow, 2004:5-6). Konsep materialistik mendefinisikan kebudayaan sebagai sistem yang merupakan hasil adaptasi daripada lingkungan alam atau suatu sistem, yang berfungsi untuk mempertahankan kehidupan masyarakat. Konsep kebudayaan yang bersifat idealistik pula memandang semua fenomena luaran sebagai manifestasi suatu sistem dalaman. Memandangkan kebudayaan merupakan suatu fenomena sosial maka, ia tidak dapat dilepaskan daripada perilaku dan tindakan warga masyarakat yang mendukung atau menghayatinya. Masinambow juga menambah bahawa untuk memahami perbezaan keteraturan, pola perilaku dan tindakan warga suatu masyarakat dengan masyarakat lain, ia hanya dapat dilakukan jika dikaitkan dengan kebudayaan. Penjelasan ini menunjukkan bahawa ekspresi kebudayaan sesebuah masyarakat memiliki perbezaan dengan ekspresi kebudayaan masyarakat lain. Ekspresi kebudayaan yang berupa perilaku dan tindakan berpola itu boleh dianggap sebagai 'ungkapan budaya.'

Kebudayaan biasanya direpresentasi melalui tanda-tanda, salah satunya adalah bahasa. Melalui bahasa, aspek seni dan bentuk-bentuk kesenian tidak dapat diabaikan sebagai data kebudayaan. Nilai-nilai seni menjadi parameter untuk menempatkan karya manusia sebagai kaya budaya atau sebaliknya. Bahasa merupakan instrumen untuk mengungkap apa yang dipelajari dan difikirkan oleh manusia secara lisan. Bahasa turut digunakan sebagai sarana ekspresi nilai budaya. Nilai-nilai budaya boleh disampaikan oleh bahasa sebagai jalur penerus kebudayaan dan ia terbahagi kepada tiga bahagian yang saling berkait, iaitu (i) kebudayaan ekspresi; (ii) kebudayaan tradisi; dan (iii) kebudayaan fizikal. Kebudayaan ekspresi mencakup perasaan, keyakinan, intuisi, idea dan imaginasi kolektif; kebudayaan tradisi pula mencakup nilai-nilai keagamaan, adat istiadat dan kebiasaan-kebiasaan; manakala, kebudayaan fizikal meliputi hasil-hasil karya asli yang dimanfaatkan oleh masyarakat dalam kehidupan sehari-hari. Levi-Strauss (1972:68) turut menekankan bahawa hubungan antara bahasa dan kebudayaan sangat erat dan beliau menyatakan bahawa bahasa itu merupakan hasil kebudayaan. Maksudnya, bahasa yang dituturkan oleh sekelompok masyarakat adalah suatu refleksi atau cerminan keseluruhan kebudayaan masyarakat itu.

Dalam konteks sama, Kramsch (1998:3) juga membahaskan bahawa wujud hubungan antara bahasa dan kebudayaan, yakni ketika bahasa digunakan dalam konteks komunikasi. Bahasa juga terjalin dengan kebudayaan dalam cara yang kompleks dan pelbagai. Terdapat tiga hal yang menjalin antara bahasa dan kebudayaan, iaitu (i) bahasa mengekspresikan realiti kebudayaan (*language expresses cultural reality*); (ii) bahasa mewujudkan idea/sifat realiti kebudayaan (*language embodies cultural reality*); dan (iii) bahasa menjadi simbol kepada realiti kebudayaan (*language symbolizes cultural reality*). Pandangan Kramsch sedemikian menjelaskan bahawa bahasa bukan sekadar medium komunikasi sebaliknya, melalui bahasa, kebudayaan pemilik bahasa dapat diketahui kerana realiti sesuatu kebudayaan diungkap, diwujudkan dan dilambangkan oleh bahasa.

Selain itu, bahasa digunakan oleh manusia untuk menyelenggarakan seluruh hidupnya. Dalam erti lain, bahasa bukanlah sekadar wahana atau instrumen komunikasi lisan antara manusia yang memiliki bahasa berkaitan malah, bahasa turut bertindak sebagai salah satu pewujudan semua aspek kehidupan manusia. Pendek kata, bahasa terwujud dalam bentuk tuturan atau teks berupa wahana yang memuatkan ilmu pengetahuan tentang selok-belok kehidupan manusia pendukungnya.

Sebagai salah satu dimensi budaya, tradisi lisan menjadi sebahagian daripada cara manusia mengungkap rasa, menyimpan nilai dan pandang dunia, serta menyembunyikan suatu 'khazanah' yang hanya boleh diketahui dengan meneliti setiap intinya. Tradisi lisan juga bukan sekadar kekayaan budaya semata-mata tetapi, ia juga merupakan identiti yang mempunyai nilai yang sukar ditukar ganti dengan bahan material lain. Oleh kerana itu, pemahaman tentang tradisi lisan tidak hanya berkisar sebagai pemberian suatu ruang untuknya agar ia terus didengari sebaliknya, ruang untuk tradisi itu diteliti secara tekstual mahupun kontekstual. Tradisi lisan juga harus difahami. Tujuannya agar nilai yang melekat dalam tradisi lisan tersebut boleh difahami oleh masyarakat pada era kini. Justeru, tradisi lisan berupaya menjadi pintu masuk untuk memahami dengan lebih jauh masyarakat dan budaya yang berkaitan. Tradisi lisan tidak hanya mencakup sastera lisan seperti mitos, legenda, dongeng, hikayat, mantera, puisi dan teater tetapi juga lebih jauh daripada itu. Tradisi lisan boleh bertaut dengan sistem kognitif masyarakat seperti adat istiadat, sejarah etika, ubat-ubatan, sistem geneologi dan sistem pengetahuan yang dituturkan secara turun-temurun. Salah satu cara yang dapat ditempuh untuk mewariskan budaya tersebut adalah melalui usaha pemerksaan gerakan kebudayaan. Kunci utama kepada pemerksaan itu adalah sikap pendukungnya, agar mereka menyedari betapa pentingnya memberdayakan tradisi lisan sebagai sebahagian daripada kebudayaan.

Tradisi lisan sudah lama mendapat perhatian para pengkaji dari Nusantara. Terdapat banyak penyelidikan, sama ada yang bersifat penerokaan awal mahupun penelitian lanjutan. Meskipun banyak penyelidikan yang telah dibuat, hasil daripada semua penyelidikan itu tidak semestinya telah diterbitkan. Keadaan ini menyebabkan tidak semua hasil penyelidikan dapat diketahui dan dikongsi oleh khalayak pendukung budaya dan pembaca. Kebanyakan penyelidikan tradisi lisan memfokuskan wilayah luas Indonesia sebagai kawasan yang masih menyimpan data tradisi lisan yang banyak dan masih diamalkan sehingga kini. Terdapat terlalu banyak penyelidikan telah dilaksanakan, namun sekadar untuk maklumat maka hanya beberapa hasil penyelidikan itu dikongsi di bahagian ini. Antaranya kajian oleh Maruru M. Toding Datu (1972) berjudul *Perbandingan Folklor Toradja Sa'dan dengan Folklor Simalungun*. Menerusi penyelidikan ini, Maruru telah membuat pengelompokan antara dua jenis folklor, iaitu melihat perbezaan ketara antara kedua-dua folklor daripada dua kumpulan etnik berbeza. Didapati, folklor Toradja dapat diklasifikasikan kepada tujuh jenis, iaitu (i) kelas sejarah-agama; (ii) kelas didaktis-agama; (iii) kelas didaktis-kemanusiaan; (iv) kelas didaktis; (v) kelas kemanusiaan; (vi) kelas sejarah-didaktis-agama; dan (vii) kelas didaktis-agama-kemanusiaan (Maruru, 1972:53). Sebaliknya, folklor Simalungun pula hanya terbahagi kepada empat kategori sahaja, iaitu (i) kelas didaktis; (ii) kelas didaktis-kemanusiaan; (iii) kelas didaktis-agama; dan (iv) kelas didaktis-agama-kemanusiaan (Maruru, 1972:161).

C. Yus Ngabut (1999) juga telah melakukan penyelidikan dengan tajuk *Aspek-aspek Budaya dalam Tradisi Lisan Masyarakat Suku Maayan di Kalimantan Tengah, Indonesia*. Penyelidikan ini menumpukan kepada jenis-jenis tradisi lisan yang melingkari kehidupan dan budaya orang-orang Maayan. Suku Maayan mendiami kawasan Kabupaten Barito Selatan di Provinsi Kalimantan Tengah. Tradisi lisan dalam suku ini meliputi tiga jenis, iaitu (i) tradisi adat dan *hiyang wadian* (cerita dan nyanyian ritual *wadian*/dukun); (ii) tradisi hukum adat dan siklus/kitaran kehidupan; dan (iii)

tradisi dalam upacara-upacara tertentu kehidupan. Ketiga-tiga bentuk tradisi lisan berkenaan mempunyai perincian lain yang melibatkan banyak konteks kehidupan. Sekadar berkongsi satu jenis tradisi, iaitu tradisi hukum adat dan siklus/kitaran kehidupan yang berkait dengan hukum adat dalam kitaran kehidupan seperti acara pernikahan, pembayaran nazar (dan pelbagai pengucapan kesyukuran), pembayaran hutang 'denda' sebagai kesan daripada suatu pelanggaran yang telah dilakukan, upacara *gawe* dan *buntang* yang berkait dengan penyelenggaraan upacara *ijamme* dan *mia*, dan upacara pengebumian. Kesemua tradisi berkenaan melibatkan bahasa sebagai medium untuk mengungkapkannya.

Penyelidikan bertajuk *Kammu Songs: The Songs of Kam Raw* telah dilaksanakan oleh Håkan Lundström & Kam Raw Tayanin pada tahun 2006. Penyelidikan ini berkisar tentang *Trnéem* yang dinyanyikan dalam salah satu dialek bahasa Kammu. Bahasa ini dituturkan oleh etnik minoriti di utara Laos. Konsep *trnéem* adalah nyanyian yang diturunkan secara warisan berasaskan puisi lisan. Nyanyian ini terdiri daripada dua rangkap yang setiap satunya mengandungi empat baris. Biasanya, rangkap pertama bersifat metafora dan agak sukar untuk difahami manakala, rangkap kedua pula mengandungi makna. Didapati terdapat tiga tema yang mendominasi repertoire/tuturan Kam Raw ini, iaitu (i) kepunyaan sosial (*social belonging*); (ii) keinginan (*longing*); dan (iii) pengembaraan (*journeying*). Kebanyakan sumber utama puisi ini berimejkan alam khususnya flora dan fauna.

Nyanyian *trnéem* pula wujud dalam tajuk-tajuk berbeza, yakni berdasarkan persembahan atau konteks. Secara umum, terdapat tiga makna yang sering mendapat sambutan dan perhatian pendengarnya, iaitu (i) nyanyian umum - membawa makna sebenar nyanyian; (ii) nyanyian abstrak - makna berbeza berdasarkan lirik lagu yang diseiringkan dengan rima; dan (iii) nyanyian khusus - makna dicipta semula untuk tujuan persembahan (secara metafora). Sebenarnya, nyanyian orang-orang Kam Raw dapat diklasifikasikan kepada tiga

jenis juga, yakni (i) nyanyian untuk upacara keramaian (*feasting*); (ii) nyanyian untuk pelbagai situasi; dan (iii) kata-kata panggilan/sapaan (*words of address*). Setiap satu nyanyian tersebut diperincikan pula kepada jenis-jenis nyanyian yang berkait dengan kehidupan dan budaya masyarakat ini, misalnya nyanyian untuk pelbagai situasi mengandungi empat jenis lagu berasingan secara khusus, yakni lagu-lagu untuk hutan; lagu-lagu untuk dataran; lagu-lagu untuk orang muda; dan lagu yang dicipta di Sweden (yang menceritakan pengalaman Kam Raw Tayanin selama berada di Sweden). Selain lagu-lagu sedemikian, orang-orang Kam Raw juga mempunyai lagu-lagu lain seperti lagu dodoi, lagu kanak-kanak, lagu perayaan (*ceremony*) dan lagu pengubatan (*shaman*). Terdapat juga lagu-lagu yang melambangkan kesedihan dan kesunyian dalam masyarakat ini (Lundström & Kam Raw Tayanin, 2006:29-31).

Sesungguhnya terdapat banyak penyelidikan lain yang telah pun diterbitkan, sekadar memberikan beberapa contoh antaranya, Sudiarta (2000) *Ulap-Ulap: Wacana Ritual Masyarakat Hindu di Bali*; Titib (2001) *Teologi dan Simbol-simbol dalam Agama Hindu*; Riana (2001) *Wali Padi: Upacara Penghormatan Pada Dewi Sri*; Riana (2003) *Wacana Seremonial di Desa Campo Ago, Buleleng: Studi Semiotik Sosial*; dan Bandana (2006) *Ritual Rsi Ghana dalam Masyarakat Bali: Sebuah Analisis Semiotik Sosial*. Terdapat banyak lagi penerbitan yang berkait dengan tradisi lisan di Nusantara yang tidak dimasukkan ke bahagian ini. Hal ini membuktikan bahawa tradisi lisan merupakan satu aspek yang menarik sebagai bahan perbincangan dan penyelidikan.

Dalam masa yang sama, didapati kepelbagaian genre lisan masyarakat di seluruh Nusantara sedang meniti usia 'tua' yang memerlukan perhatian dan keprihatinan daripada pendukungnya. Usaha menjaga dan meneruskan kesemua genre lisan, sama ada yang disampaikan secara lisan mahupun bukan lisan memerlukan dukungan padu daripada seluruh anggota masyarakat pendukung. Fenomena 'kematian' tradisi lisan yang merupakan antara

sumber dan akar budaya Nusantara semakin ketara akhir-akhir ini. 'Kematian' tradisi ini berupaya dihindari atau setidaknya ditunda, jika ada pihak yang mahu bekerjasama untuk menjaga dan mengembangkan budaya tradisi lisan. Salah satu cara untuk menunda 'kematian' tradisi lisan adalah melalui kajian tekstual. Kajian seumpama ini misalnya mampu menjadi penghubung antara penutur dan pendengar tradisi berkenaan. Dengan kajian tekstual, inti pati yang terkandung dalam tradisi lisan mampu dikongsi oleh lebih ramai khalayak pendengar ataupun pembaca. Sekurangnya-kurangnya, kajian berbentuk ini akan menyebabkan bahan tradisi lisan disimpan dalam bentuk bertulis ataupun dibukukan. Selain itu, melalui kajian, setiap ragam maklumat budaya khusus yang berkait dengan kearifan pendukungnya mampu digali dan diketengahkan kepada khalayak luas.

Kewujudan kearifan tempatan dalam mana-mana tradisi lisan tidak dapat disangkal. Ia berupa kandungan tradisi lisan atau tradisi budaya yang secara turun-temurun diwarisi dan dimanfaatkan untuk menata kehidupan sosial masyarakat dalam segala aspek kehidupan atau, untuk mengatur tatanan kehidupan komuniti. Pengertian kearifan tempatan ini sangat perlu difahami agar ia dapat digali daripada tradisi lisan sebagai warisan budaya leluhur agar ia dapat dimanfaatkan untuk menata kehidupan generasi muda sekarang. Kearifan dalam tradisi lisan meliputi seluruh kegiatan kebiasaan tradisional suatu masyarakat yang diwariskan secara turun-temurun. Tercakup dalam kearifan itu adalah hal-hal yang membabitkan adat istiadat tempatan, norma tempatan, pengetahuan tempatan, keterampilan tempatan, sumber daya tempatan, proses sosial tempatan, institusi tempatan dan kemampuan pelaksanaan fungsi tempatan. Sekiranya cakupan ini dapat digali daripada tradisi lisan suatu masyarakat dan ia diterapkan kepada generasi muda maka, kearifan sedemikian akan dapat membina perilaku dan meningkatkan kesejahteraan hidup.

Sehubungan itu, buku ini lahir untuk menceritakan kearifan inti pati genre lisan *isun-isun* yang dinyanyikan dalam kalangan orang Bajau di pantai barat Sabah khususnya dari daerah Kota Belud. Bersumberkan bahan nyanyian yang ada, terdapat beberapa aspek yang diliputi dalam perbincangan ini, yakni (i) kesopanan berbahasa; (ii) makna sosiobudaya; (iii) strategi interaksi; dan (iv) tautan yang hadir dalam teks ini. Sebagai bahan kebudayaan, *isun-isun* berupaya digunakan sebagai salah satu laluan masuk untuk mengenali masyarakat Bajau dari ‘ruang dalaman’, yakni wujud kearifan tempatan yang disembunyikan melalui dimensi-dimensi yang diliputi oleh perbincangan dalam buku ini. Hal ini membuktikan bahawa pilihan kata, struktur, aspek tautan serta elemen metafora yang digunakan dalam *isun-isun* menunjukkan bahawa ia bukan sekadar satu rangkai kata atau frasa-frasa yang tercipta secara spontan. Sebaliknya, *isun-isun* merupakan proposisi yang sarat dengan makna, elemen pemikiran dan siratan budaya yang sengaja disembunyikan oleh penyanyinya. Secara tidak langsung, tradisi lisan ini diupayakan sebagai acuan yang merepresentasi kehadiran unsur puitis, metafora, serta konsep-konsep budaya yang memaparkan olahan rasa penyanyinya. Tanpa sedar, nyanyian ini mampu menjadi bahan pembelajaran kearifan dan budaya orang-orang Bajau.